


Orang berpuasa dapat dua kegembiraan



**Bersama
Prof Dr Taufiq
Yap Yun Hin**

Orang yang berpuasa akan memperoleh kegembiraan dan kebahagiaan bukan saja di dunia semata-mata tetapi juga di akhirat.

Dalam sebuah hadis yang dilaporkan Abu Hurairah, katanya, Rasulullah SAW bersabda yang bermaksud: "Orang yang berpuasa mendapat dua kegembiraan, kegembiraan ketika dia berbuka puasa dan kegembiraan semasa dia menemui Tuhannya." (Riwayat Muslim).

Ketika di dunia lagi Allah SWT menggurniakan saat paling mengembirakan serta dinantikan bagi

mereka yang berpuasa iaitu ketika berbuka puasa.

Pelbagai persiapan dilakukan untuk memastikan waktu berbuka puasa menjadi saat yang paling dinikmati. Anak-anak yang berpuasa juga pastinya tidak sabar menunggu berkumandangnya azan Maghrib menandakan waktu berbuka.

Di Malaysia, amalan majlis berbuka puasa secara beramai-ramai bukanlah perkara baru. Di pejabat atau di taman perumahan biasa dianjurkan majlis berbuka puasa yang turut menjemput rakan sepejabat dan jiran setaman yang bukan Islam.

Dari situ, orang bukan

Islam dapat bersama-sama menikmati kegembiraan orang Islam ketika berbuka puasa. Natijahnya, mereka juga dapat melihat bagaimana orang Islam begitu sabar dan taat menahan makan dan minum pada siang hari.

Ia menjadi satu syiar yang mempamerkan betapa indah dan mudahnya hidup berlandaskan syariat Islam.

Allah SWT memerintahkan umat Islam menahan daripada makan dan minum bukan untuk menganiaya tetapi untuk mendidik hati orang Islam bagi meningkatkan ketaatan kepada Allah SWT.

Jemputan ke atas jiran

bukan beragama Islam dalam majlis berbuka puasa dianjurkan di taman perumahan itu sebenarnya sangat signifikan dalam membina hubungan kemanusiaan.

Ia membuka ruang terbaik untuk meningkatkan hubungan kejiwaan tanpa mengira agama dan bangsa di samping mempamerkan akhlak orang Islam menyantuni semua manusia.

Masyarakat Islam di luar negara bukan Islam juga mengundang pemimpin tempatan bukan Islam untuk melihat secara dekat cara hidup Muslim pada bulan Ramadan.

Dalam Irsyad Fatwa khas Ramadan No 87

bertarikh 31 Mei 2017 dikeluarkan Mufti Wilayah Persekutuan, Datuk Dr Zulkifli Mohamad

Al-Bakri berpandangan hukum menjemput orang bukan Islam berbuka puasa adalah harus dan dibolehkan dalam Islam.

Sebenarnya ramai masyarakat bukan Islam yang turut berpuasa mengikut rakan mereka yang beragama Islam.

Ada yang bertahun-tahun berbuat demikian kerana mereka seronok dapat berpuasa bersama. Peluang itu memberikan mereka satu pengalaman berharga untuk merasai nikmat salah satu ibadat dalam Islam.

Penulis sendiri pernah

belajar berpuasa sebelum menerima Islam kerana ingin melihat kelebihan dan kebaikannya.

Cuma ketika itu penulis tidak bersahur kerana tidak mengetahui kaedah berpuasa yang sebenarnya.

Alangkah baiknya sekiranya orang Islam dapat berkongsi kaedah berpuasa dan mengajak orang bukan Islam berpuasa mengikut kaedah yang betul menjalani ibadat puasa, seterusnya keindahan Islam itu dapat dirasai bersama-sama

Penulis ialah Presiden Persatuan Cina Muslim Malaysia (MACMA) dan profesor di Universiti Putra Malaysia (UPM)